

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

23. Nyatakan bilangan wanita yang berada dalam pasaran pekerjaan mengikut sektor?
- (a) Apakah yang akan dilakukan supaya wanita dapat merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2019, terdapat sejumlah 342,200 wanita dalam pasaran pekerjaan di Pulau Pinang. Perincian mengikut sektor adalah seperti berikut :

| <b>BIL</b>    | <b>SEKTOR</b>          | <b>JUMLAH ('000)</b> |
|---------------|------------------------|----------------------|
| 1             | Pertanian              | 2.0                  |
| 2             | Perlombongan dan Kuari | 0.1                  |
| 3             | Pembuatan              | 130.7                |
| 4             | Pembinaan              | 5.5                  |
| 5             | Perkhidmatan           | 203.9                |
| <b>JUMLAH</b> |                        | <b>342.2</b>         |

- (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menyediakan orang awam termasuk golongan wanita untuk merebut peluang pekerjaan berkemahiran tinggi di Pulau Pinang seperti berikut:
- (i) Memperkasakan pembelajaran *Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM)* di

negeri Pulau Pinang untuk menyokong perkembangan kemahiran tenaga dan mempertingkatkan daya saing tenaga kerja Negeri Pulau Pinang dalam era Industri 4.0.

- (ii) Menubuhkan Penang Science Cluster (PSC) untuk orang awam termasuk golongan wanita belajar, berinteraksi dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan bidang sains dan teknologi. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh PSC untuk mempersiapkan orang awam dengan kemahiran seperti robotik dan pengekodan adalah program TechMentor, *Penang International Science Fair* (PISF), Science Café dan inisiatif Coding-For-All;
- (iii) Menubuhkan Creative Animation Trigger (@CAT) untuk mempromosi bidang sains, teknologi dan animasi kreatif di negeri ini. @CAT bertempat di Wisma Yeap Chor Ee dan berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat kreatif baharu berdasarkan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, Big Data Analytics (BDA) dan Internet of Things (IoT);
- (iv) Menubuhkan Penang Maths Platform (PMP) di Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC) yang menumpukan pembelajaran Matematik. PMP bekerjasama dengan organisasi seperti Penang Skills Development Centre (PSDC), PSC, Tech Dome Penang dan @CAT dalam memupuk dan melibatkan golongan muda menghadapi Revolusi Industri 4.0 dengan menganjurkan kelas robotik dan matematik;
- (v) Menubuhkan Tech Dome Penang (TDP) di KOMTAR bagi memupuk minat dalam bidang sains, inovasi teknologi dan keusahawanan. TDP menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan wanita untuk menerokai keajaiban sains dan teknologi serta menganjurkan program-program seperti kem sains, pameran sains, bengkel dan seminar pendidikan; dan

(vi) Bekerjasama dengan PSDC yang memainkan peranan untuk melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran bagi memenuhi kehendak industri berdasarkan teknologi tinggi di negeri ini. Antara program khusus yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri melalui PSDC ialah dalam bidang Teknologi Pemesinan Kepersisan, Kejuruteraan (Komputer, Elektronik, Mekatronik, Telekomunikasi), dan Teknologi Pembuatan (CAD/CAM). Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sistem pendidikan vokasional ala Negara Jerman iaitu Malaysian Meister Program (MMP) di Negeri Pulau Pinang. Melalui sistem ini, pusat latihan akan didirikan di kilang-kilang serta syarikat-syarikat perniagaan bagi membolehkan pelajar mempelajari secara teori dan praktikal pada masa yang sama

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) turut memperkasakan wanita melalui inisiatif berikut:

- (1) Memperkenalkan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang dilancarkan pada 7hb Mac 2019, untuk memastikan golongan wanita dan lelaki diberi peluang yang sama dalam peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan mengikut nisbah 40% wanita, 40% Lelaki dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan, supaya tiada satu gender mendominasikan dalam membuat keputusan.
- (2) Mengadakan bengkel Kepimpinan dan Pemberdayaan Wanita dan Pembinaan Kapasiti Pemerkasaan Wanita bagi AJK Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan AJK wanita Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk memupuk kemahiran pengucapan awam, keyakinan diri, dan pembinaan pasukan. Pada tahun 2019, PWDC

telah menjalankan 16 bengkel kepimpinan dengan penyertaan 842 pemimpin wanita.

Bagi MPKK, Kerajaan Negeri juga telah membuat dasar wanita minimum dalam MPKK yang berkuatkuasa 2017. Disasarkan menjelang tahun 2021, setiap MPKK akan mempunyai minimum 5 orang ahli wanita bagi mencapai 30% wanita di dalam MPKK.

Tambahan pula, Kerajaan Negeri di bawah MMK Keterangkuman Gender juga telah menyediakan platform "Women Talents Pool" yang disertai oleh wanita-wanita di tahap pembuat keputusan dari pelbagai industri untuk dilatih dengan kemahiran kepimpinan, dan diberikan peluang untuk menyandang jawatan sebagai Ahli Lembaga di Agensi berkaitan Kerajaan (GLC).